

PEPERANGAN ANTARA NEGARA DALAM SEJARAH MELAYU: SUATU ANALISIS NARATIF FILEMIK MENGGUNAKAN PEDNEKATAN TEORI SEMIOTIK

Tengku Kastrafuddin Shah bin Tengku Yaakob

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

kastrafuddin@unimap.edu.my

Ameer Fuhaili bin Mohammad Hashim

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

ameerfuhaili@unimap.edu.my

Asiah Sarji

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

asiahsarji@unimap.edu.my

Hanif Suhairi

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

hanifsuhairi@unimap.edu.my

Abstrak

Teori Semiotik adalah suatu perspektif makna di sebalik sesuatu yang dipersembahkan sama ada dilihat dan dihayati dalam kaitannya dengan peristiwa dan watak yang berlaku di dalam Sejarah Melayu. Sejarah Melayu amat intim dalam menjelaskan tentang perlambangan bagi setiap kejadian utama yang berlaku. Pernyataan atau penceritaan tentang perlambangan dan ruang serta masa, falsafah manusia pada zaman sesuatu peristiwa itu terjadi yang wujud dalam imaginasi penulis atau pencipta bagi sesuatu peristiwa itu. Dengan mengkaji keseluruhan aspek-aspek naratif dan visual dalam Sejarah Melayu ini, kajian ini akan membongkar ketekalan pemikiran penulisnya, dan juga persepsi penulis terhadap perlambangan, ruang serta masa pada sesuatu zaman serta pemikirannya. Objektif kertas ini untuk menjelaskan pemaparan perlambangan, gerak emosi, ruang dan masa serta kaitannya dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku sama ada terdapat konsistensi dari segi perspektif penulis mempamerkan setiap peristiwa utama berlaku. Kertas ini mewakili dapatan kajian awal terhadap aspek-aspek filemik dalam Sejarah Melayu. Tumpuan diberikan kepada ceritera satu dan beberapa kejadian terpilih dari ceritera lain. Setiap aspek analisis akan menggunakan konsep dan perspektif komunikasi visual yang berasaskan teori semiotik dan *misc en scene*. Dapatan kajian akan diperlihatkan dalam bentuk visual dengan menggunakan animasi dan realiti maya. Signifikan kajian ialah dapat mengetahui perspektif penulis Sejarah Melayu melihat kepentingan ruang dalam memberi perakuan kepada cerita, dapat memaparkan sifat dan rasa ruang, dapat memberikan gambaran visual kepada khalayak tentang apa sebenarnya keadaan yang berlaku menggunakan pendekatan komunikasi visual.

Kata kunci: *Sejarah Melayu, perspektif visual, pendekatan naratif, Mis-en-scene, Semiotik, ruang, pemikiran, masa, suasana, emosi, pergerakan*

PEPERANGAN ANTARA NEGARA DALAM SEJARAH MELAYU: SUATU ANALISIS NARATIF FILEMIK MENGGUNAKAN PENDEKATAN TEORI SEMIOTIK


PENDAHULUAN

Komunikasi adalah unsur-unsur, kaedah, proses, dan sistem dalam mana semua aspek tersebut digambarkan, dipersembahkan dan dihantar sebagai suatu proses perkongsian makna antara yang menghantar dan penerima maklumat itu. Landasan analisis perspektif komunikasi ini ialah perkongsian. Perkongsian mengenai kejadian-kejadian Sejarah Melayu ini boleh dilihat dari perspektif bagaimana penulis berkongsi cerita Sejarah Melayu kepada khalayak pembaca. Ia adalah suatu proses mengkod mesej, yakni bagaimana proses enkod itu berlaku. Pada masa yang sama diteliti juga bagaimana proses dekod bagi pihak penerima, yakni pembaca buku Sejarah Melayu. Di peringkat ini diteliti bagaimana penerima mesej iaitu pembaca membuat interpretasi makna kepada maklumat yang ditulis di dalam Sejarah Melayu. Kedua-dua aspek tersebut diteliti dalam kajian ini dengan menggunakan pendekatan ilmu filem dan video atau disiplin filemik iaitu aspek seni dan bahasa audio visual bagi mengambar dan menjelaskan sesuatu maklumat. Dalam konteks ini, penekanan diberikan adalah untuk meneliti bagaimana penceritaan dalam sejarah melayu menggunakan perlambangan dan naratif yang mempamerkan visual bagi sesuatu kejadian, ruang, masa, pergerakan serta aspek-aspek yang berkaitan dengan warna dan cahaya.

Fokus bagi analisis di atas adalah tentang kajian-kajian terhadap perang antara Negara khususnya bagi bab satu. Kajian meneliti Sejarah Melayu dari perspektif komunikasi adalah suatu usaha baru bagi menjelaskan keadaan masyarakat Melayu yang wujud dalam tempoh penceritaan itu berlaku.

KAEDAH KAJIAN

Dengan menggunakan pendekatan pemikiran semiotic dan *mis en scene*, kajian ini menggunakan kaedah analisis teks (Rajah 1)



Rajah 1. Rangka Kerja Penyelidikan

Rajah 1 tersebut menjelaskan proses kajian yang telah dilakukan dalam mana kajian ini menggunakan pemikiran semiotic dan mis en scene sebagai suatu cara yang sistematik dan saintifik untuk menganalisis teks sejarah melayu yang berkaitan dengan peperangan antara Negara.

Sewaktu pembacaan terhadap teks Sejarah Melayu, tumpuan diberikan kepada aspek-aspek cerita yang berkaitan dengan peperangan antara Negara. Perkara yang diteliti tentang peperangan tersebut menggunakan pendekatan pemikiran semiotic dan mis en scene. Unsur-unsur yang diberi perhatian dalam semiotik adalah tanda, symbol, senibina dan rekabentuk visual dan mis en scene adalah ruang, masa, pencahayaan, peralatan, pergerakan, tempat lokasi dan perlambangan.

Pengkaji telah mengenalpasti unsur-unsur tersebut dan mencerakinkan ke dalam jadual 1, 2 dan 3. Berdasarkan setiap jadual makna dikenalpasti dan dikaitkan dengan latar kejadian yang berlaku. Hasil yang hendak dikenalpasti adalah;

1. Mengenalpasti jenis-jenis Semiotik dan Mise en scene yang digunakan.
2. Menjelaskan bagaimana unsur-unsur Semiotik dan Mis en scene dalam Sejarah Melayu digunakan yang boleh memberikan gambaran visual yang filemik sifatnya;

Matlamat akhir kajian adalah;

1. Memahami kemahiran penulisan dan penceritaan peperangan dalam buku Sejarah Melayu melalui perspektif penceritaan audio visual/filimik,
2. Membantu menghayati Sejarah Melayu dengan lebih dekat, khususnya dalam kalangan generasi baru.
3. Menghasilkan persembahan filem melalui medium realiti maya mengenai peperangan di dalam Sejarah Melayu.

Pendekatan proses penceritaan merujuk kepada kaedah penulisan cerita yang dilihat dari perspektif proses bercerita berdasarkan prinsip-prinsip penceritaan untuk sebuah filem atau proses dan teknik penulisan skrip bersifat audio-visual itu. Sementara kandungan cerita pula diteliti dari aspek filmik visualnya. Hasil interpretasi dan penjelasan yang ditulis mengenai kandungan cerita itu akan cuba divisualisasikan dengan menggunakan teknik animasi tiga dimensi dan realiti maya.

Tujuan utama kajian adalah untuk melihat sejauhmana hubungan kaedah dan proses penceritaan visual mengenai peperangan digunakan dalam Sejarah Melayu. Selain itu kajian ini juga dapat mengenal pasti pendekatan aplikasi semiotic dan mis-en.scene itu di gunakan oleh penulis. Sekiranya epic dari Buku Sejarah Melayu ini hendak filemkan unsure-unsur utama yang berkait dengan filemik visual ini telahpun diketengahkan oleh dapatan kajian ini.

Kertas ini menghuraikan kandungan babak-babak dan adegan-adegan utama bagi cetera pertama dan beberapa ceritera lain dalam Sejarah Melayu yang berkaitan dengan peperangan sebagai kajian awal (pilot study).

Teori semiotik

Semiotik merupakan ilmu yang mencakup pelbagai disiplin ilmu yang ada seperti kajian bahasa terutamanya, tanda (sign), simbol, seni bina dan reka bentuk visual (Alex, 2009).

Banyak kajian terdahulu dijalankan berkenaan dengan semiotik baik semiotik terhadap bahasa, reka bentuk lambang atau logo mahupun semiotik terhadap iklan.

Kerangka konsep dalam penelitian ini menggunakan semiotik Peirce (1839-1914), seorang tokoh falsafah Amerika yang paling asli dan argumentatif (Alex, 2009).

Tanda Peirce (1839-1914) memberi fokus pada tiga aspek iaitu ikon, indeks dan simbol.

Analisis semiotik mulai dirintis oleh Ferdinand de Saussure (1857-1913) sebagai pengasas semiology manakala Peirce (1839-1914) sebagai pengasas semiotik.

Keduanya sama-sama menganalisis mengenai tanda, tetapi melalui pendekatan yang berbeza. Saussure menyatakan bahawa kajian mengenai tanda tidak terlepas dari dua hal iaitu tanda (signifier) dan penanda (signified), sedangkan Pierce mengutarakan trikotomi iaitu ikon, indeks dan simbol.

Teori mise en scene

Konsep ini bersumber dari dunia kritikan sastera, teater dan filem di Perancis yang bermaksud “put into the scene” atau memasukkan sesuatu ke dalam ruang. Dengan perkataan lain ia merujuk kepada usaha pembentukan dan penguasaan ruang bagi sesuatu kejadian dalam sesuatu cerita. Ramai sarjana filem dan teater menegaskan mise-en-scene (Mezasen) adalah suatu pemikiran yang mampu membentuk sesuatu aliran atau ideologi dalam persembahan sesuatu cerita. Antara unsur-unsur utama dalam mise-en-scene yang

diberi perhatian dalam kajian ini ialah ruang, masa, pencahayaan peralatan, pergerakan dan tempat lokasi.

Apabila meneliti Sejarah Melayu pembaca dibawa mengadap dari satu ruang ke satu ruang cerita yang lain yang mewakili adegan-adegan. Adegan adalah satu kelompok kejadian-kejadian utama yang perlu diceritakan bagi mewakili suatu cerita besar. Hanya cerita-cerita utama diangkat menjadi adegan dalam sesuatu babak. Dalam pendekatan bercerita tradisional, antara satu adegan dengan adegan yang lain dan antara satu babak dengan babak yang lain perlu berkesinambungan serta saling berkait dalam mana ada unsur-unsur kesinambungan cerita yang memberi makna kepada sebuah penceritaan filem.

Dalam penceritaan yang bukan konvensi, antara satu adegan dengan adegan lain dan antara satu babak dengan babak lain tidak semestinya perlu mempunyai satu sistem kesinambungan naratif yang langsung sifatnya. Pada setiap adegan inilah dipaparkan ruang di mana kejadian berlaku. Di dalam ruang inilah segala pergerakan kandungan tentang ruang diceritakan. *Mise-en-Scene* adalah suatu konsep yang menjelaskan tentang ruang, kandungan dan perletakan item serta pergerakan yang wujud di dalamnya. Sejauhmanakah dramatikanya sesuatu ruang itu banyak bergantung kepada unsur-unsur lain yang berkaitan seperti warna, bunyi, cahaya dan perletakan perkara-perkara yang berkaitan di dalamnya yang dalam filem di kenal pasti sebagai set dan prop. (<http://www.filmreference.com/encyclopedia/Independent-Film-Road-Movies/Mise-en-sc-ne-ELEMENTS-OF-MISE-EN-SC-NE.html>)

Penguasaan ruang bercerita sama ada oleh penulis mahupun pereka ruang filem, boleh membentuk mood atau rasa, “ The creation of a coherent and articulate *mise-en-scène* is a means to personal expression. From the quiet domestic spaces of the Japanese director Yasujiro Ozu (1903–1963), who defines his characters by what surrounds them, to the vertiginous, shadowy spaces of the worlds created by Orson Welles, to the abstract cityscapes of Antonioni and the imprisoning interiors of the German filmmaker Werner Rainer Fassbinder (1945–1982)” . (<http://www.filmreference.com/encyclopedia/Independent-Film-Road-Movies/Mise-en-sc-ne-ELEMENTS-OF-MISE-EN-SC-NE.html>)

Dalam sejarah Melayu pemikiran *mise-en-scene* ini sangat ditegaskan. Persoalan yang akan dikaji ialah apakah bentuk, aktiviti dan rasa (mood) yang ada pada ruang dalam ceritra-ceritra Sejarah Melayu ini.

Latar belakang Cerita

Hasil penelitian sejarah melayu, latar cerita berikut telah diambil untuk diteliti.

Latar 1.

Dalam cerita ini Raja Iskandar, anak raja Darab dari bangsa Rum memulakan perjalanan ke seluruh negeri Hindi untuk tujuan penaklukan. Kehadirannya disedari oleh Raja Kida Hindi yang mengarahkan Perdana Menteri untuk menghimpunkan segala bala tentera bagi menghadapi serangan Raja Iskandar. Peperangan tercetus dengan kemenangan berpihak kepada Raja Iskandar dan Raja Kida Hindi ditangkap hidup-hidup. Raja Iskandar mengislamkan Raja Kida Hindi dan seterusnya baginda berkahwin dengan anak Raja Kida Hindi, Puteri Syahrul Bariyah.

Latar 2

Raja Suran dari keturunan Raja Iskandar berhasrat untuk menyerang China bagi meluaskan tanah taklukannya. Baginda menghimpunkan bala tentera yang ramai untuk berperang dengan China. "Maka segala raja-raja yang takluk kepada raja Suran itupun sekaliannya datang dengan alat senjatanya, dan dengan rakyatnya sekali; adalah banyaknya seribu dua ratus laksa". Dalam perjalanan, baginda bersama bala tenteranya yang amat ramai tiba di negeri Gangga Nagara yang diperintah oleh Raja Gangga Syah Johan. "Maka adalah daripada kebanyakan rakyat berjalan itu segala hutan belantara pun habislah menjadi padang, dan bumi pun bergetar seperti gempa, dan gunung pun bergerak, runtuh kemuncaknya dan segala tanah yang tinggi-tinggi itupun menjadi rata dan batu pun habis berpelantingan dan segala sungai yang besar-besar pun habislah kering".

Mendengar khabar bahawa Raja Suran sampai di negerinya, Raja Gangga Syah mengarahkan rakyat dan raja di bawah taklukannya bersiap sedia untuk mempertahankan negeri Gangga Nagara dari diserang oleh Raja Suran. Peperangan antara Makaduniah dan Gangga Nagara terjadi dengan pertempuran yang amat hebat dan akhirnya Raja Suran memancung leher Raja Gangga Syah Johan dengan pedangnya sekaligus menyebabkan negeri Gangga Nagara jatuh ke tangan Raja Suran.

Latar 3

Raja Suran dan angkatan tenteranya meneruskan perjalanan dan kehadirannya dihidu oleh Raja Culan, iaitu raja negeri Ganggayu. Berikutan itu, Raja Culan mengerahkan segala rakyat dan raja taklukannya untuk bersiap sedia menghadapi serangan dari Raja Suran.

Maka berperanglah rakyat Siam dengan rakyat Keling yang memakan masa yang panjang. Situasi ini digambarkan melalui “segala yang yang bergajah berjuang gajahnya, segala orang yang berkuda bergigitkan kudanya, segala yang memegang panah berpanah-panahan, segala yang berlembing bertikamkan lembing, segala yang bertombak beradakkan tombaknya, segala yang berpedang bertetakkan pedangnya”. “rupa senjata seperti hujan yang lebat; jikalau guruh di langit sekalipun tiada kedengaran daripada sangat tempik segala hulubalang, gemerincing bunyi segala senjata juga kedengaran”. Ramai tentera di kedua belah pihak yang terkorban. Apabila tiba masa yang sesuai Raja Suran mengambil peluang dengan memanah ke arah Raja Culan sehingga menembusi dada Raja Culan. Kematian raja Culan menyebabkan peperangan berakhir dengan tentera negeri Ganggayu menyerah diri.

Latar 4

Raja Suran meneruskan perjalanan untuk berperang dengan negeri China dan singgah sebentar di Temasik. Kekuatan dan kehebatan tentera Raja Suran memang diakui oleh Raja China. Perkhabaran tentang kedatangan Raja Suran menyebabkan baginda meminta Perdana Menteri untuk mencari jalan penyelesaian agar Raja Suran membatalkan hasratnya untuk berperang dengan China. Perdana Menteri telah meletakkan jarum-jarum berkarat, pohon kayu kesmak dan pohon bidara di dalam sebuah pilu atau perahu. Selain itu, perahu itu juga dipenuhi dengan orang tua yang sudah lanjut usia dan belayar ke Temasik. Setibanya di Temasik, orang tua berkenaan disoal oleh orang Raja Suran dan mereka memberitahu mengenai jarak kedudukan negeri China yang agak jauh dan memakan masa yang panjang untuk sampai ke sana. Berita tersebut disampaikan kepada Raja Suran dan baginda membatalkan hasratnya untuk berperang dengan negeri China.

Latar 5

Siam menyerang Melaka apabila Melaka enggan menerima arahan Maharaja Siam, Raja Bubunnya supaya menghantar sembah ke Siam. Maharaja Siam menghantar panglima tenteranya Awi Dicu untuk menyerang Melaka. Bendahara Paduka Raja yang memimpin tentera Melaka menyuruh anak Seri Bija Diraja, Tun Umar belayar seorang diri menentang Siam. Tun Umar adalah seorang yang berani dan berkelakuan gila-gila bahasa. Ini dinyatakan dalam buku Sejarah Melayu ***“Maka Tun Umar pun pergilah dengan sebuah perahunya olang-uleng. Telah bertemu dengan perahu Siam yang banyak itu, maka***

dilanggarnya sekali, dua tiga perahu Siam alah, lalu ia terus ke sebelah; maka ia berbalik, dilanggarnya pula yang lain, itupun dua tiga buah perahu Siam alah. Maka Tun Omar pun kembalilah. Maka orang Siam pun terlalu hairan melihat kelakuan Tun Omar itu.”

Latar 6

Apabila malam, Bendahara Paduka Raja yang memimpin perang meletakkan pohon-pohon kayu bakau, nyirih, api-api dan segala pohon kayu diikat dengan puntung api sehinggakan tentera Siam terpedaya melihat begitu banyaknya api dan menyangkakan begitu ramainya tentera Melaka yang berada di pantai.

Hulubalang Siam berkata, ***“Terlalu banyak kelengkapan perahu Melaka ini, tiada terbilang lagi. Jikalau ia datang apa hal kita? Melayu itu, tiada terbilang lagi. Jikalau ia datang, apa jadinya kita? Sedang sebuah perahunya tadi lagi, tiada terlawan oleh kita.*** Awi Dicu bersetuju dan berkata ***Marilah kita kembali sementara belum siang lagi”*** .

HASIL KAJIAN

Hasil kajian analisis semiotik

Berdasarkan latar cerita peperangan di dalam buku Sejarah Melayu itu, cerakinan unsure-unsur semiotic dan Mis-en-scene dibuat. Dalam jadual 1, unsur semiotik dalam perang-perang yang dicatatkan dalam bab satu dan beberapa bab lain dalam Sejarah Melayu diturunkan.

Berdasarkan jadual 1, analisis yang dibuat bahawa penulis menggunakan simbolik mengenai alam seperti hutan, bumi, gunung, pulau dan sungai untuk menggambarkan jumlah tentera yang ramai dan besar. Ia juga menunjukkan kekuatan bala tentera berkenaan. Bagi memaparkan babak pertempuran yang sengit dan suasana hiruk pikuk, simbolik digunakan ala senjata seperti hujan yang lebat; jikalau guruh di langit sekalipun tiada kedengaran daripada sangat tempik segala hulubalang, gemerincing bunyi segala senjata juga kedengaran.

Penulis menggunakan simbolik dan tanda untuk menunjukkan perjalanan yang jauh dan memakan masa yang lama apabila Raja China menggunakan memperdayakan lawan dengan menghantar orang-orang tua yang lanjut usia, pohon pokok yang sudah berbuah dan paku-paku karat.

Jadual 1, Unsur Semiotik Dalam Perang-Perang Yang Dicatatkan Dalam Bab Satu Dan Beberapa Bab Lain Dalam Sejarah Melayu.

BIL	LATAR CERITA	KEJADIAN	SEMIOTIK (TANDA, SIMBOL, SENIBINA, REKABENTUK VISUAL) [ALEX 2009]
1	Raja Suran berhasrat untuk menyerang China dengan menghimpunkan tenteranya	Segala raja-raja yang takluk kepada raja Suran itupun sekaliannya datang dengan alat senjatanya, dan dengan rakyatnya sekali; adalah banyaknya seribu dua ratus laksa.	Peralatan senjata yang amat banyak
2	Perjalanan Raja Suran tiba di Gangga Nagara	Kebanyakan rakyat berjalan itu segala hutan belantara pun habislah menjadi padang, dan bumi pun bergetar seperti gempa, dan gunung pun bergerak, runtuh kemuncaknya dan segala tanah yang tinggi-tinggi itupun menjadi rata dan batu pun habis berpelantingan dan segala sungai yang besar-besar pun habislah kering.	Bilangan bala tentera amat ramai serta kekuatan yang dimiliki Raja Suran
3	Perjalanan Raja Suran bersama bala tenteranya menuju ke China	Jikalau malam yang kabut sekalipun menjadi terang dengan bulan purnama, pada ketika cuaca daripada kebanyakan cahaya senjata dan kilat mahkota segala raja-raja dan jikalau halilintar di langit berbunyi sekalipun tiada kedengaran daripada kesangatan bunyi tempik segala hulubalang dan sorak segala rakyat, bercampur dengan bunyi gajah, kuda, tiada lagi sangka bunyi.	Gambaran bilangan tentera yang ramai
4	Persiapan Raja Culan untuk menghadapi Raja Suran	Rupa rakyat seperti laut tatkala pasang penuh, rupa gajah dan kuda seperti pulau, rupa tunggul panji-panji seperti hutan, rupa cemara tombak seperti lalang.	Bilangan dan kekuatan tentera yang dimiliki oleh Raja Culan

5	Peperangan Raja Suran dengan Raja Culan	rupa senjata seperti hujan yang lebat; jikalau guruh di langit sekalipun tiada kedengaran daripada sangat tempik segala hulubalang, gemerincing bunyi segala senjata juga kedengaran.	Suasana hingar bingar yang sangat kuat dari pekikan dan bunyi alat senjata
6	Peperangan Raja Suran dengan Raja Culan	Lebu duli pun terbangkit ke udara, sang cuaca menjadi kelam kabutlah seperti gerhana matahari.	Pertempuran yang sengit Raja Suran dengan Raja Culan seakan tiada penamatnya.
7	Raja Suran menerima kedatangan orang tua dari benua China	Perdana Menteri pun menyuruh melengkapinya dengan sebuah pilu, diisinya dengan jarum yang seni-seni yang berkarat. Maka diambilnya pohon kayu kesmak dan pohon bidara yang sudah berbuah, ditanamnya di atas pilu. Dipilihnya segala orang tua yang sudah tanggal giginya disuruhnya naik pilu itu.	Mengambarkan perjalanan yang amat jauh untuk sampai ke China
8	Peperangan dengan Melaka Siam	Tun Umar seorang diri pergi bertemu perahu Siam lalu melanggar beberapa perahu Siam sehingga terbalik	Memaparkan keberanian dan kekuatan keseluruhan tentera Melaka dengan melanggar beberapa perahu Siam seorang diri
9	Peperangan dengan Melaka Siam	Maka oleh Bendahara Paduka Raja segala pohon kayu bakau dan nyirih dan tumu api-api itu dan sekaliannya disuruhnya tambati puntung api.	Menggambarkan tentera Melaka yang ramai disepanjang pantai

Simbolik untuk memperdayakan lawan hasil kebijaksanaan Bendahara Paduka raja juga dinyatakan semasa peperangan antara Siam dengan Melaka apabila Tun Umar melanggar beberapa perahu Siam sehingga terbalik menyebabkan Siam beranggapan semua bala tentera Melaka mempunyai sifa keberanian yang cukup tinggi. Bendahara Paduka Raja juga memerintah rakyat Melaka memasang puntung api di sepanjang pantai bagi menggambarkan jumlah tentera Melaka yang ramai bersedia untuk menyerang dan mempertahankan Melaka menyebabkan Siam membatalkan niat untuk menyerang Melaka.

Analisis makna

Jadual 2 Hasil kajian analisis mise en scene berkaitan dengan ruang

RUANG	AKTIVITI	SUASANA DAN EMOSI	UNSUR LAIN (PENCAHAYAAN, KOSTUM, PROPS, DEKORASI)
HALAMAN ISTANA RAJA ISKANDAR (Tidak dinyatakan keadaan ruang, namun dari tulisan dapat diinterpretkasikan ia adalah ruang yang besar)	Raja taklukan dan rakyat berhimpun untuk berperang dengan Negara Hindi	Hiruk pikuk, bising, jeritan dan sorakan. Semangat juang, kegembiraan	-alat senjata seperti pedang dan panah -gajah -kostum tidak dinyatakan
HALAMAN ISTANA RAJA SURAN (Tidak dinyatakan keadaan ruang, namun dari tulisan dapat diinterpretkasikan ia adalah ruang yang besar)	Raja taklukan dan rakyat berhimpun dengan amat ramainya untuk pergi berperang dengan China	Hiruk pikuk, bising, gegak gempita dengan jeritan dan sorakan. Semangat juang, kegembiraan,	-ramainya bala tentera iaitu seribu dua ratus laksa -alat senjata seperti lembing, tombak, panah, cokmar dan pedang. -panji-panji - gajah dan kuda
MEDAN PERANG (Digambarkan sebagai ruang yang besar, berpokok-pokok, dan tanah lapang, serta ada parit-parit dan tembok istana untuk dielak dari serang.)	Peperangan meletus antara tentera Raja Suran dengan Raja Gangga Syah Johan iaitu Raja negeri Gangga Nagara.	Raja Suran memalu cokmarnya hingga pintu Kota gangga nagara roboh. Raja Gangga Nagara memarah Raja Suran tetapi mengenai gumba gajah dan jatuh. Raja Suran melompat dan menghunus pedang lalu memenggal leher Raja Gangga Nagara sekaligus menamatkan kitaran hidupnya. Tentera bersorak keriang dengan kemenangan itu sebaliknya pihak lawan kecewa dan menyerah kalah.	-suasana waktu siang -alatan senjata seperti pedang, lembing, panah, tombak dan cokmar -gajah dan kuda -panji-panji -Kota Gangga Nagara
MEDAN PERANG (Digambarkan	Raja Suran dan bala tenteranya	Bunyi bising yang sangat kuat,	-alatan senjata seperti pedang,

sebagai ruang yang besar, berpokok-pokok, dan tanah lapang, serta berhampiran sungai)	meneruskan perjalanan ke China. Di pertengahan berperang dengan Raja Culan, pemerintah negeri Ganggayu.	sorakan, pekikan tentera dan bunyi alat senjata bergemerincing. Raja Culan cuba menikam Raja Suran dengan lembing tetapi mengenai gajah lawannya. Raja Suran segera memarah Raja Culan mengenai dadanya dan jatuh lalu mati. Kemenangan diraikan dengan rasa gembira, kesyukuran atas kejayaan itu.	lembing, panah, tombak dan cokmar -gajah dan kuda -panji-panji -Kota Ganggayu
LAUT	Raja Suran menerima kehadiran orang-orang tua dari China	Suasana sunyi. Perahu yang dinaiki orang tua bersama pokok kayu kesmak, pokok bidara dan paku berkarat belayar menuju Temasik	-pohon kayu kesmak dan pohon bidara -paku berkarat -perahu (pilu)
LAUT	Tun Umar yang amat berani dan berkelakuan gila-gila bahasa melanggar perahu-perahu Siam sehingga terbalik	Keyakinan dan keberanian Tun Umar. Siam kehairanan dengan kejadian perahunya dilanggar sehingga terbalik	-perahu
LAUT	Bendahara Paduka Raja menyuruh rakyat meletakkan puntung api yang terdiri daripada pohon kayu bakau, nyirih dan tumu api-api di sepanjang pantai	Suasana cerah dengan kilauan cahaya dari puntung api di sepanjang pantai	-pohon kayu bakau, nyirih dan tumu api-api -puntung (jamung) api

Berdasarkan jadual 2, dapat dikenal pasti bahawa ruang dalam cetera Sejarah Melayu menggambarkan tiga tempat utama. Pertama, kawasan perhimpunan, kedua kawasan berperang dan ketiga di laut. Penceritaan mengenai ruang dan halaman istana selalunya luas yang boleh menempatkan beribu-ribu tentera dan orang-orang besar. Di beberapa bahagian tertentu seperti di negara Gangga Nagara dijelaskan bentuk istana, peparitan dan sistem lain bagi menghalang kemaraan musuh. Ruang yang paling terperinci yang

dijelaskan adalah kawasan penempatan baru selepas beliau balik dari Temasik. Si Penulis menceritakan kawasan tersebut sebagai kawasan indah dengan gunung-ganang, tasik yang luas, hutan yang penuh dengan flora dan fauna serta binatang yang ada di antaranya sesuai untuk menjadi buruan. Walaupun ada ruang dalam laut dinyatakan, tetapi si penulis tidak menggambarkan tentang ruang melainkan menyatakan ianya satu ruang yang luas dan indah.

Mengenai unsur bunyi, cetera pertama sangat banyak menjelaskan tentang bunyi seolah membuatkan pembaca dapat mendengar dan merasakan bunyi tersebut. Bunyi sewaktu perang, bunyi sewaktu perjalanan ke negeri Gangga Nagara dan negeri Ganggayu, dan sewaktu Bicitram Shah dilanda oleh ribut taufan.

Penjelasan tentang aspek mise-en-scene dalam perkara-perkara tertentu sangat jelas dan dalam keadaan tertentu aspek ini tidak diberi perhatian oleh penulis.

Jadual 3 berkaitan dengan masa

BIL	LATAR CERITA	KEJADIAN	MASA
1	Raja Suran berhasrat untuk menyerang China dengan menghimpunkan tenteranya	Raja Suran bergerak bersama bala tenteranya menuju ke China	Siang dan malam
2	Perjalanan Raja Suran tiba di Gangga Nagara	Raja Suran bersiap sedia untuk berperang dengan Raja Gangga Syah Johan	Siang dan malam
3	Peperangan Raja Suran dengan Raja Gangga Syah Johan	Raja Suran membunuh Raja Gangga Syah Johan dengan memancung leher menggunakan pedang. Gangga Nagara menjadi negeri taklukan	Siang
4	Persiapan Raja Culan untuk menghadapi Raja Suran	Raja taklukan dan rakyat berhimpun bersama alat senjata untuk menentang Raja Suran	Siang
5	Perjalanan Raja Culan untuk menghadapi Raja Suran	Raja Culan bersama ribuan bala tenteranya bergerak sehingga ke sebuah sungai dikenali Sungai Pangkal .	Siang dan malam

6	Peperangan Raja Suran dengan Raja Culan	Raja Suran membunuh Raja Culan dengan memanah tepat ke dada Raja Culan. Akhirnya Ganggayu menjadi negeri taklukan	Siang
7	Raja Suran menerima kedatangan orang tua dari benua China	Perdana Menteri pun menyuruh melengkapi sebuah pilu, diisinya dengan jarum yang seni-seni yang berkarat. Maka diambilnya pohon kayu kesmak dan pohon bidara yang sudah berbuah, ditanamnya di atas pilu. Dipilihnya segala orang tua yang sudah tanggal giginya disuruhnya naik pilu itu.	Siang
8	Peperangan Siam dengan Melaka	Tun Umar seorang diri pergi bertemu perahu Siam lalu melanggar beberapa perahu Siam sehingga terbalik	Siang
9	Peperangan Siam dengan Melaka	Maka oleh Bendahara Paduka Raja segala pohon kayu bakau dan nyirih dan tumu api-api itu dan sekaliannya disuruhnya tambati punding api.	Malam

Berdasarkan kepada Jadual 3, dapat dikenalpasti bahawa perjalanan raja Suran bersama bala tenteranya dalam misi menakluk China memakan masa yang lama. Perjalanan Raja Suran ke Negeri Gangga Nagara memakan masa yang panjang sebelum sampai ke negeri berkenaan. Begitu juga dengan perjalanan Raja Suran ke negeri Ganggayu yang mengambil masa yang lama.

Analisis Hasil Kajian

Dari kedua-dua analisis yang dilakukan, penemuan kajian ini menunjukkan bahawa penulisan bagi setiap penceritaan dalam cetera pertama amat menyerupai pendekatan penulisan untuk skrip filem dan setiap cetera mempunyai plot yang disusun rapi dan digambarkan secara penulisan yang bersifat visual unsure-unsur yang menjadi lambang yang kemudiannya boleh mempengaruhi makna cerita keseluruhannya. Aspek-aspek ini membantu meningkatkan unsur-unsur dramatik yang dapat dirasakan apabila dibaca didalam kisah cetera pertama. Gambaran yang bersifat semiotic dan berasaskan pendekatan mis-en-scene ini membentuk unsur-unsur dramatic. Antara yang dapat dikesan

adalah, ketika dalam peperangan, sewaktu pengislaman Raja Kida Hindi, sewaktu perkahwinan, sewaktu perpisahan dan sewaktu berhadapan dengan keadaan-keadaan genting seperti keadaan yang dihadapi oleh Bicitram Shah. Unsur-unsur dramatic ini diperkukuhkan dengan penjelasan bunyi-bunyian yang menggambarkan sesuatu peristiwa yang berlaku.

Kesimpulan

Kajian meneliti Sejarah Melayu dari perspektif komunikasi adalah suatu usaha baru bagi menjelaskan keadaan masyarakat Melayu yang wujud dalam tempoh penceritaan itu berlaku. Setelah kajian awal ini dibuat, buku Sejarah Melayu berjaya memaparkan kehidupan raja-raja dalam tempoh cetera ini berlaku dengan bantuan penjelasan unsure-unsur yang bersifat semiotic dan menggunakan pendekatan mis-en-scene..

Kajian awal ini berjaya memenuhi keperluan objektif kajian. Berdasarkan kajian awal ini, kajian lanjut akan dibuat terhadap cetera-cetera yang lain dalam Sejarah Melayu. Matlamat akhir kajian ialah untuk menterjemahkan Sejarah Melayu kedalam bentuk media audio visual (filem atau video) samada menggunakan genre animasi, cereka, atau dokumentari.

RUJUKAN

Ali Ahmad (1987). *Karya-Karya Sastera Bercorak Sejarah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
Kuala Lumpur

Anis, M.A (2012). *Komunikasi Berimplikatur: Fungsi dan Peranannya Dalam Masyarakat Melayu Tradisional Berdasarkan Teks Sejarah Melayu*.

A.Samad Ahmad (2003). Edisi Pelajar: *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka .

Bordwell, D. dan Thomson, K.(2012.). *Film art. An introduction*. (Ed.10). New York: McGraw-Hill.

The 12 Dramatic Elements – Space, Language and Sound <https://elisemcmahon.wordpress.com/dramatic-elements/>

- Ferdinand de Saussure. (1959). *Course in General Linguistics*. The Philosophical Library, New York City.
- Germaine Dulac . (2004) *The Essence of the Cinema. The Visual Idea*. Dlm. Simpson, P, Utterson, A., & Shepherdson, K.J. (2004) *Film Theory. A Critical Concept in Media and Cultural Studies*. London: Routledge (hal. 57-62)
- Giannetti, L. 1987. *Understanding movies*. (Ed.12). Pearson. USA
- Hilliard, R. (2014). *Writing for Television, Radio, and New Media* (Ed.11). USA: Cengage Learning.
- Shellabear, W.G. (Penyunting& penyenggara). (1977). *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Machamer, P. & Wolters, G. (Penyt.) (2010) *Ways of Thinking about Science and the Arts*. University of Pittsburg Press. Pittsburg Penn. USA.
- Mardiana Nordin. (2013). *Peperangan dalam Sulalatus Saladin*. Universiti Malaya: Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial
- Miller, W. 1998. *Screenwriting for film and television*. Boston: Allyn and Bacon.
- Muhd. Yusuf Ibrahim (2010). *Sejarah dan Persejarahan Melayu: Warisan & Kesenambungan*. Kuala Lumpur: Tinta Publishers.
- Newcomb, H. dan Hirsch, P.M. 1994. *Television as a cultural forum*. Dlm. Horance Newcomb (Penyt.). *Television the critical view*. (Ed.5). New York: Oxford University Press.(513-515).
- Taib Osman (1983). *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Zahrah Ibrahim (1986). *Sastera Sejarah: Interpretasi dan Penilaian*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.